



ARAHAN PENTADBIRAN BIL. 3/2020

PENANGGUHAN SEMUA MAJLIS AKAD NIKAH DI NEGERI MELAKA SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN MULAI 18 MAC 2020 HINGGA 31 MAC 2020

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan **Penangguhan semua Majlis Akad Nikah di Negeri Melaka yang telah diberikan kebenaran BERKUATKUASA MULAI 23 MAC 2020 SEHINGGA 31 MAC 2020** atau apa-apa tarikh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan atau perintah seumpamanya yang akan diumumkan oleh Kerajaan serta memansuhkan Perkara 4 dalam Arahan Pentadbiran Bil.2/2020 Pengurusan Perkahwinan, Perceraian Dan Rujuk Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Mulai 18 Mac 2020 Hingga 31 Mac 2020.

2. ASAS PERTIMBANGAN

Arahan ini dikeluarkan bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar, yang mana trend peningkatan kes positif COVID-19 pada 21 Mac 2020 dan untuk menjaga masalah jurunikah, pengantin, wali, saksi dan juga mereka yang terlibat dalam urusan majlis akad nikah.

3. TARIKH KUAT KUASA

3.1. Arahan ini hendaklah **BERKUATKUASA MULAI 23 MAC 2020 SEHINGGA 31 MAC 2020 ATAU APA-APA TARIKH LANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN ATAU PERINTAH SEUMPAMANYA YANG AKAN DIUMUMKAN OLEH KERAJAAN.**

3.2. Arahan ini juga memansuhkan Perkara 4 dalam Arahan Pentadbiran Bil.2/2020 Pengurusan Perkahwinan, Perceraian Dan Rujuk Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Mulai 18 Mac 2020 Hingga 31 Mac 2020.

4. MAJLIS AKAD NIKAH

4.1. Bagi pasangan yang telah mendapatkan Kebenaran Berkahwin sebelum ini, hendaklah memaklumkan kepada jurunika bahawa majlis akad nikah tersebut ditangguhkan dan mendapatkan tarikh baru setelah Perintah Kawalan Pergerakan tersebut tamat.

4.2. Tarikh baharu majlis akad nikah hendaklah dirujuk semula kepada Pejabat Agama Islam Daerah asal yang mengeluarkan Kebenaran Berkahwin tersebut untuk diselaraskan.

5. PELANGGARAN TERHADAP ARAHAN

Mana-mana majlis akad nikah yang diteruskan tanpa kebenaran dalam tempoh ini boleh disabitkan di bawah seksyen 40 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002.

Sekian. Terima kasih.

**Pengarah,
Jabatan Agama Islam Melaka.
22 Mac 2020M/ 27 Rejab 1441H**